

CATATAN PAMERAN MATJA

Oleh Aishah Maulana, UNIMAS, Malaysia.

JOGJAKARTA, 27 Julai 2015 – Telah berlangsungnya sebuah pameran MATJA di Jogjakarta National Museum yang bertemakan Islam Nusantara dan merupakan sebahagian daripada anjuran Mukhtamar Nadhatul Ulama ke-33. Pameran MATJA ini dengan jayanya telah dirasmikan oleh H. As'ad Said Ali disamping pengajian kebudayaan oleh KH. Ahmad Tohari dan alunan pukulan musik tradisional gambus dan rebab untuk meraikan pembukaan pameran ini.

MATJA merupakan salah satu perkataan daripada bahasa Jawa yang telah dipilih oleh ketua kurator pameran, A. Anzieb membawa maksud baca. Selari dengan tema pameran iaitu Islam Nusantara, MATJA dapat dikait rapatkan dengan wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada baginda Nabi Muhammad S.A.W dalam ayat pertama Surah Al-'Alaq bermaksud :

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)”.

Melalui ayat suci ini dapat difahami bahawa sebagai umat manusia yang menghuni di muka bumi kita perlulah memperbanyakkan membaca untuk meningkatkan ilmu kefahaman dalam diri kita. MATJA bukan hanya membaca dengan sumber terhad ilmiah yang solid seperti buku-buku mahupun media massa malah membaca melalui mata hati dengan pengamatan terhadap alam ciptaan-Nya termasuk persekitaran sosial. Membaca dan memahami terhadap kejadian-kejadian yang terjadi disekeliling melalui mata hati ternyata lebih sukar berbanding memahami sesuatu kandungan dalam sesebuah buku.

Berkonsepkan dimensi kosmopolitan daripada beragam tradisi spiritual di Nusantara, ternyata pameran ini telah memaparkan kepelbagaian elemen-elemen spiritual dan kerohanian melalui pembacaan terhadap alam sekeliling dan persekitaran sosialnya yang tersendiri oleh 51 orang artis lalu menzahirkan pemerhatian tersebut dalam penghasilan karya. Karya-karya yang dipamerkan dalam pelbagai dimensi, medium, bentuk dan pendekatan berdasarkan kehendak tema pameran seni moden MATJA ini.

Di Sebalik Suasana Pameran MATJA

Setiap pameran memerlukan pelbagai persediaan dilakukan sebelum hari pembukaannya tidak terkecuali, pameran MATJA. Proses persediaan pameran ini telah dimulakan lebih kurang seminggu sebelum tarikh perasmian dan pembukaan. Semestinya, komuniti yang terlibat dalam menjayakan pameran ini terdiri daripada komuniti yang besar dimana keterlibatannya melibatkan peranan daripada pelbagai pihak disebabkan ruang pameran yang dipilih adalah berskala besar iaitu sebuah muzium tempatan di sini yang mempunyai tiga tingkat ruang lantai.

i. Sebelum acara pameran

Sebelum acara bermula, pelbagai aspek diambil kira seperti pembahagian tugas berdasarkan struktur organisasinya seperti di pameran MATJA, pengarah pameran dapat dilihat seorang yang menguruskan berbagai urusan seperti memilih organisasi yang berpengalaman untuk menjalankan pameran, berganding bahu bersama pihak kurator dalam memastikan keperluan pameran mencukupi, mendapatkan dana pameran, acara konferensi dan sebagainya. Pihak kurator pula, memberikan proposal tentang pameran yang ingin diadakan, seterusnya memilih artis-artis dan karya yang bersesuaian mengikut tema pameran. Selain itu, pihak kurator merupakan orang yang paling penting dalam mendapatkan maklumat dan penceritaan tentang setiap karya yang dipilih. Pihak kurator juga bekerjasama dengan krew pemasangan untuk memastikan pemasangan karya adalah betul berdasarkan ruang pameran.

Krew pemasangan pula bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan kualiti karya sewaktu pemasangan dilakukan seperti pemakaian sarung tangan semasa mengangkat karya, memastikan ruang pameran bersesuaian dengan karya dan yang paling penting, karya-karya yang dihantar mestilah siap dipasang dengan sempurna sebelum acara pembukaan pameran. Manakala, pihak pentadbiran akan merekod dan menyenaraikan nama artis, maklumat karya yang diterima seperti bilangan, tajuk, tahun, dimensi dan harga. Kemudian, akan didokumentasikan sebagai *worklist*. Seterusnya, disebabkan ruang pameran yang besar, seramai 14 orang pelajar universiti turut terlibat sebagai pembantu dalam menerangkan karya-karya yang

terdapat dalam pameran sewaktu pameran berlangsung serta bertujuan untuk melancarkan lagi perjalanan pameran. Tidak ketinggalan, acara temu bual wartawan dan konfrentasi turut diadakan sebelum hari pelancaran pameran bertujuan mempromosikan dan memberi informasi tentang pameran yang akan diadakan.



Rajah 1- Proses pemasangan karya dan sebahagian ruang pameran.

Pembahagian Ruang Pameran

Di ruangan lantai pertama pameran menempatkan karya-karya oleh enam belas orang artis termasuklah artis terkenal tempatan dan luar negara seperti Nasirun dan Arahmaiani. Pendekatan yang digunakan untuk mempamerkan karya di lantai pertama berkecenderungan ke arah atmosfera berkaitan ketuhanan dan karya-karya yang dihasilkan adalah sebagai jalan tengah yang menyampaikan mesej untuk mengagungkan Maha Pencipta. Karya artis Nasirun iaitu Maca Maning dan Perahuku Samudraku membicarakan tentang spiritual yang sudah melebur dalam kehidupan seharian oleh masyarakat Nusantara terutamanya masyarakat di Indonesia. Beliau memaparkan ikon Almarhum Slamet Gundono iaitu untuk menghidupkan kembali nafas seni-seni tradisi di pinggiran Banyumas yang merupakan sebahagian daripada Nusantara.

Seterusnya, di ruangan lantai kedua pula menempatkan karya-karya oleh sembilan belas orang artis dan berkecenderungan kepada pemikiran dan kebudayaan masyarakat di Nusantara. Karya di lantai kedua ini terdiri daripada campuran media seperti catan, video dan instalasi. Artis yang memaparkan karya berbentuk video seperti Samsul Arifin dan Entang Wiharso menggunakan pendekatan sinikal terhadap isu kebudayaan masyarakat Nusantara yang kian melupakan asal usulnya lalu membiarkan pengaruh dari negara barat meneruskan jajahannya biarpun bukan dari segi fizikal lagi tetapi dari segi pemikiran. Manakala, hasil karya catan oleh

artis Januri dan F. Sigit pula menyampaikan mesej kepercayaan agama Islam dan Kristian yang ada di Nusantara.

Selain itu, di ruangan lantai ketiga menempatkan karya instalasi dan persembahan oleh Heri Dono dan catan yang terdiri oleh empat belas orang artis seperti Bunga Jeruk dan Bob Yudhita Agung selari dengan pendekatan Modernisme dan penggunaan pelbagai media. Karya instalasi Heri Dono yang memaparkan 27 pasangan baju yang diperbuat daripada bahan buangan dan digantung menyampaikan mesej bahawa masyarakat moden tidak lagi mementingkan alam sekitar dengan membiarkan penggunaan bahan industry berterusan tanpa di kitar semula. Memberi pandangan sinikal sekiranya perkara tersebut berlanjutan, tidak mustahil pelbagai kerosakan dan pencemaran akan berlaku tanpa dapat dibendung.

ii. Semasa pameran

Semasa pembukaan pameran dilancarkan, orang ramai memasuki ruang pameran dan melihat karya-karya yang dipamerkan. Artis, jemputan orang ternama serta wartawan yang tidak berhenti menekan butang kamera menyebabkan suasana pameran amat meriah disamping alunan lagu MATJA yang memenuhi ruang pameran. Suasana pameran dimeriahkan lagi dengan acara seni persembahan daripada artis Heri Dono di mana model-model berjalan menggayakan hasil karya baju-baju yang diperbuat daripada bahan terbuang. Selain itu, pihak yang bertugas seperti pembantu kurator tetap menjalankan tugas mereka iaitu memberi penerangan kepada pengunjung dan audiens tentang karya-karya yang terdapat di ruang pameran sehingga acara pelancaran berakhir.



Rajah 2 – Suasana semasa pelancaran pameran.

iii. Selepas pameran

Selepas pameran berakhir, iaitu durasi selama tiga hari, krew-krew pemasangan bertanggungjawab untuk menurunkan kembali karya-karya yang telah dipamerkan dan memastikan ruang pameran yang telah digunakan kembali seperti dalam keadaan sedia ada. Pihak pentadbiran dan dokumentasi turut bertanggungjawab untuk memastikan jumlah dan kualiti karya adalah sama semasa proses pengembalian karya kepada artis.

Mutakhir kata, keseluruhan pameran berjaya dijalankan dengan sempurna dan berlangsung selama tiga hari. Namun demikian, terdapat juga sedikit kontra dalam pengurusan dari pihak artis yang kurang bekerjasama dengan baik seperti penghantaran karya lewat dari tarikh yang ditetapkan. Perkara ini menyebabkan pihak krew pemasangan dan pengurusan pameran agak sukar untuk menyiapkan tugas mereka tepat pada masanya. Begitu juga dengan maklumat karya yang tidak diberi oleh pihak artis. Pihak curator dan pengurusan terpaksa menunggu dan mengubah senarai maklumat karya berulang kali menyebabkan pengurusan kurang efisien. Justeru, kerjasama antara semua pihak amatlah penting kerana merupakan faktor terbesar untuk menjayakan sesebuah pameran.